

HUBUNGAN ANTARA KEFAHAMAN, KESEDARAN DAN AMALAN ETIKA KERAHSIAAN DALAM KALANGAN KAUNSELOR MALAYSIA

**Mohamad Bokhari, Syed Najmuddin Syed Hassan,
Rosli Saadan**

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Emel: mohamadbokhari@utem.edu.my, roslisaadan@utem.edu.my,
syednajmuddin@utem.edu.my

ABSTRAK

Kerahsiaan merupakan satu isu yang mempunyai implikasi etika dan perundangan untuk pengamal kesihatan mental. Seseorang kaunselor boleh disabitkan kesalahan perundangan iaitu penyelewengan amalan sekiranya beliau gagal dalam mentadbirkan klien yang mengancam untuk melakukan keganasan. Di Malaysia, kajian lepas menunjukkan bahawa klien lebih suka Pusat Bimbangan dan Kaunseling di sekolah terletak jauh dari bangunan pentadbiran, selamat dan biliknya telap suara. Kenyataan ini menunjukkan bahawa klien sangat mementingkan kerahsiaan. Persampelan kajian dibuat secara rawak mudah yang melibatkan kaunselor yang bernaung di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan PERKAMA. Jumlah sampel kajian adalah seramai 602 orang responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara kefahaman legal dengan kefahaman etika iaitu nilai $r^2 = .055$ (5.5%); antara kefahaman legal dengan kesedaran ($r^2 = .017$ (1.7%); antara kefahaman etika dengan kesedaran (nilai $r^2 = .080$ (8.0%) dan antara kesedaran dengan amalan etika kerahsiaan (nilai $r^2 = .071$ (7.1%). Kajian ini menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai kesedaran dan amalan terhadap etika kerahsiaan, namun kefahaman legal dan kefahaman etika mereka adalah di peringkat sederhana. Kesedaran dan amalan etika kerahsiaan kaunselor yang dikaji menunjukkan bahawa mereka memahami komponen kesedaran dan amalan etika kerahsiaan bukan secara mendalam iaitu hanya di peringkat permukaan (surface) sahaja. Kesedaran dan amalan etika kerahsiaan hanya akan berfungsi dalam sesi kaunseling kerana iannya menjadi keperluan asas hubungan terapeutik antara klien dengan kaunselor.

KATA KUNCI: *kaunselor, kefahaman, kesedaran, amalan etika kerahsiaan.*

1.0 PENDAHULUAN

Kerahsiaan merupakan satu isu yang mempunyai implikasi etika dan perundangan untuk pengamal kesihatan mental (Noriah, 2004). Bagi sesebuah agensi, organisasi dan komuniti yang ingin berfungsi secara optimum serta dihormati, pertukaran maklumat klien kepada individu lain adalah sesuatu yang cuba dielakkan. Pendedahan maklumat klien kepada pihak-pihak lain tanpa keizinan mereka boleh mencetuskan implikasi legal atau perundangan. Maka, pendedahan maklumat klien ini harus dikawal oleh kaunselor berdasarkan prinsip dan etika kerahsiaan yang ditunjang melalui garis panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA, Semakan 2008) dan Akta Kaunselor atau Akta 580 (1998). Maka, seseorang kaunselor bertanggungjawab memelihara hak bersendirian klien ini dengan sebaik mungkin. Kaunselor sekolah kini berdepan dengan banyak isu legal etika kerahsiaan. Ramai penyelidik telah membincangkan perkara-perkara yang boleh disabitkan kesalahan perundangan terhadap kaunselor sekolah dalam aspek etika kerahsiaan. Misalnya, kegagalan untuk melaporkan kes penderaan kanak-kanak boleh mengakibatkan pendakwaan sivil dan jenayah (Corey, Corey dan Callahan, 1998; Hermann, 2002).

Menurut Hermann (2002) kerahsiaan merupakan suatu isu legal yang merumitkan kaunselor. Seseorang kaunselor boleh disabitkan kesalahan perundangan iaitu penyelewengan amalan sekiranya beliau gagal dalam mentadbirkan klien yang mengancam untuk melakukan keganasan. Bahkan kaunselor boleh juga disepina (perintah mahkamah) bagi menghadiri perbicaraan mahkamah untuk memberi keterangan terhadap rekod klien.

1.1 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, kajian lepas menunjukkan bahawa klien (iaitu pelajar) lebih suka Pusat Bimbangan dan Kaunseling di sekolah terletak jauh dari bangunan pentadbiran, selamat dan biliknya telap suara. Keadaan ini akan menjadikan klien iaitu pelajar berasa lebih selamat, selesa dan kerahsiaan akan lebih terjamin (Mohd Noh, 2001). Kenyataan ini menunjukkan bahawa klien sangat mementingkan kerahsiaan. Tanpa pemeliharaan dan pematuhan etika kerahsiaan oleh kaunselor, klien sukar untuk membuat pendedahan maklumat dalam sesuatu sesi kaunseling.

Menurut Cowles (1991), terdapat keperluan untuk mewujudkan kesepakatan dalam kalangan kaunselor bahawa kefahaman, kesedaran


dan amalan etika kerahsiaan adalah sangat penting. Hubungan antara ketiga-tiga komponen di atas dapat membantu kaunselor dalam mempertingkatkan keyakinan klien terhadap proses kaunseling yang berintegriti. Sehubungan itu, pandangan Cowles ini adalah selari dengan pandangan atau penghayatan Lembaga Kaunselor Malaysia dan PERKAMA bahawa kaunselor harus mempunyai pengetahuan tentang faktor kefahaman, kesedaran dan amalan terhadap etika kerahsiaan sebelum mereka dibenarkan menjalankan perkhidmatan kaunseling. Malangnya, kajian berkenaan dengan kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan belum ditemui di Malaysia. Justeru, wujud keperluan untuk melihat hubungan antara ketiga-tiga komponen di atas.

1.2 Kerangka Konsep Kajian

Perkara yang menjadi keutamaan kepada kejayaan membantu klien mendapat perkhidmatan kaunseling yang berkesan ialah faktor kompetensi, kecekapan dan amalan etika kerahsiaan yang diamalkan oleh kaunselor. Dalam hal ini, faktor atau komponen etika kerahsiaan yang dianggap saling melengkapi antara satu sama lain ialah:

- i. Pengetahuan yang luas dan mahir yang tinggi dalam aspek kefahaman legal dan kefahaman etika kerahsiaan.
- ii. Kesedaran terhadap etika kerahsiaan.
- iii. Kepatuhan dalam melaksanakan amalan etika kerahsiaan yang diperakukan bersama-sama klien.

Ketiga-tiga komponen iaitu faktor kefahaman (legal dan etika), kesedaran dan amalan yang saling melengkapi itu dapat dilihat pada Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1: Tiga Komponen Etika Kerahsiaan

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini ingin melihat sama ada kefahaman, kesedaran dan amalan terhadap isu legal dan etika kerahsiaan mempunyai hubungan atau

kaitan dengan elemen-elemen demografi seperti pengaruh latihan, pengalaman, keahlian profesional, penyeliaan dan jantina. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kefahaman legal, kefahaman etika, kesedaran dan amalan beretika dalam kalangan kaunselor.

1.4 Soalan Kajian

Justeru, berlandaskan objektif kajian yang diketengahkan, soalan kajian adalah seperti berikut adakah wujud hubungan antara kefahaman legal, kefahaman etika, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan kaunselor?

1.5 Hipotesis Kajian

Tidak wujud hubungan yang signifikan antara kefahaman legal, kefahaman etika, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan kaunselor (H_0).

2.0 KAJIAN LITERATUR

Biggs dan Blocher (1987) menyatakan bahawa dalam melaksanakan tugas sebagai seorang kaunselor maka adalah perlu seseorang kaunselor itu peka terhadap etika. Kaunselor wajar memahami dan mengamalkan etika terutama etika kerahsiaan kerana klien selalunya adalah seorang individu yang sangat lemah dan mudah untuk dimanipulasi. Secara umumnya etika ini adalah untuk memberitahu kaunselor apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh mereka dalam menjalankan tugasnya sebagai kaunselor profesional.

Seterusnya Isaacs dan Stone (1999) menyatakan bahawa kerahsiaan adalah perkara untuk memperoleh kepercayaan klien. Secara umum, pelajar tidak akan mendapatkan perkhidmatan kaunseling sekiranya etika kerahsiaan tidak dihayati dan diamalkan oleh kaunselor. Dalam mana-mana profesion atau pekerjaan, pasti akan ada kod etika atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh ahli profesion itu. Kod etika bertujuan untuk menentukan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Kod etika juga akan menjaga nama baik profesion dan kepentingan orang yang menerima perkhidmatan berkenaan (Noriah, Zuria dan Amla, 2003).

Berdasarkan kenyataan ini, kod etika yang digariskan oleh PERKAMA (Semakan, 2008) telah mengintegrasikan ketiga-tiga komponen kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan agar dipelihara

sebaik mungkin oleh para kaunselor. Seterusnya, Kod Etika American Association for Counseling and Development (AACD 1988) juga telah menyatakan secara bertulis tentang kepentingan kefahaman dan amalan memelihara etika kerahsiaan dalam kalangan pengamal kaunseling.

Demikian juga etika kerahsiaan juga diberi penekanan yang penting dalam hubungan sesama manusia menurut al-Quran iaitu Dalam buku Riyadhus Shalihin Jilid 1 (Taman Orang-orang Solih) yang dikarang oleh Imam Nawawi (1994), ada menyatakan beberapa buah hadis Nabi Muhammad saw., dan petikan al-Quran yang berhubung kait dengan perkara kerahsiaan. Antara perkara-perkara kerahsiaan tersebut adalah:

- i. Dari Abu Hurairah r.a dari Nabi s.a.w., sabdanya : 'Barang siapa menutup aib (rahsia) orang lain atau saudaranya maka sesungguhnya Allah akan menutup keaibannya (rahsia) di dunia dan akhirat' (Riwayat Muslim, halaman 360).
- ii. Dari Abu Hurairah r.a., katanya: Saya mendengar Rasullah s.a.w., bersabdanya : 'Setiap umatku itu dimaafkan, kecuali orang-orang yang menampakkan kejahatannya sendiri yang telah dilakukan pada waktu malam, kemudian pada waktu pagi dia telah menceritakan kejahatannya, sedangkan Allah swt., telah menutupi keburukannya' (Riwayat Mattafaq 'alaih, halaman 361).
- iii. Dari Abu Said al-Khudri r.a., katanya: Rasullah s.a.w., bersabdanya : "Sesungguhnya seburuk-buruk manusia di sisi Allah dalam hal kedudukannya pada hari kiamat ialah apabila seseorang lelaki yang bersama isterinya di malam hari, kemudian menceritakan hal tersebut kepada orang lain keesokan harinya pula. Hal ini termasuk dosa besar (Imam Nawawi, 1994 : Riwayat Muslim, halaman 769).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Populasi kajian terdiri daripada kaunselor dari sekolah-sekolah rendah dan menengah. Kaunselor dari sekolah menengah adalah terdiri

dari Sekolah Menengah Harian, Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh Agama Negeri (SBPAN) daripada seluruh Malaysia. Kajian rintis telah dibuat terlebih dahulu melibatkan sampel kaunselor di negeri Melaka dan Negeri Sembilan yang dipilih secara rawak bebas.

Persampelan untuk kajian sebenar dibuat secara rawak bebas yang melibatkan kaunselor yang bernaung di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan PERKAMA. Mereka adalah terdiri daripada Kaunselor Berdaftar atau berlesen (KB) atau kaunselor tidak berdaftar (bukan KB) di seluruh Malaysia dari Sabah hingga Perlis Senarai nama kaunselor yang mengajar di Melaka dan Negeri Sembilan diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS). Manakala senarai nama kaunselor dari seluruh negeri-negeri di Malaysia iaitu Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kedah, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak adalah diperolehi dari senarai nama KB yang berdaftar di bawah LKM. Jumlah sampel kajian adalah seramai 602 orang responden.

Alat atau instrumen yang digunakan untuk mengutip data dan mengkategorikan kaunselor mengikut pengalaman, latihan, penyeliaan, keahlian profesional dan jantina telah dibina sendiri oleh pengkaji. Inventori ini dipanggil Inventori Etika Kerahsiaan (IEK). Bagi mengkaji kefahaman, kesedaran dan amalan legal dan etika kerahsiaan dalam kalangan kaunselor ini, kaedah kajian tinjauan melalui penggunaan soal selidik telah digunakan.

Inventori Etika Kerahsiaan (IEK) ini terdiri daripada Bahagian A (demografi), Bahagian B (Kefahaman Isu Legal Kerahsiaan), Bahagian C (Kefahaman Isu Etika Kerahsiaan), Bahagian D (Kesedaran Isu Kerahsiaan) dan Bahagian E (Amalan Isu Kerahsiaan). Jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 56 item.

3.1.1 Kebolehpercayaan IEK

Kajian rintis terhadap Inventori Etika Kerahsiaan (IEK) yang dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science 18.0 (SPSS 18.0) memberikan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai Alpha Cronbach instrumen ini iaitu .965. Alpha Cronbach dalam Bahagian B (Kefahaman Isu Legal Kerahsiaan) ialah .965. Alpha Cronbach bagi Bahagian C (Kefahaman Isu Etika Kerahsiaan) ialah .946. Seterusnya Alpha Cronbach bagi Bahagian D (Kesedaran Isu Kerahsiaan) ialah .845 dan Alpha Cronbach bagi Bahagian E (Amalan Isu Kerahsiaan) ialah .893. Secara keseluruhannya, nilai

kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen ini adalah .932. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang didapati adalah melebihi .845 seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah. Mana-mana item instrumen yang rendah iaitu di bawah Alpha Cronbach .50 telah digururkan untuk meninggikan nilai tersebut.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan IEK

Bahagian	Nilai Alpha Cronbach	N
Bahagian B : Kefahaman Legal Kerahsiaan	.965	21
Bahagian C : Kefahaman Etika Kerahsiaan	.946	19
Bahagian D : Kesedaran Kerahsiaan	.845	9
Bahagian E : Amalan Kerahsiaan	.893	7

3.2 Kesahan IEK

Analisis faktor IEK menggunakan Varimax Rotation telah dilakukan bagi menentukan kesahan konstruk item-item yang telah dibina serta melihat kelompok faktor dan subfaktor yang dikaji. Hanya 56 item (yang mempunyai nilai melebihi .50) diterima dan diguna pakai daripada sejumlah 129 item asal. Item selebihnya telah digururkan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Persoalan kajian 1 untuk melihat hubungan antara Kefahaman Legal, Kefahaman Etika, Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan dalam kalangan kaunselor dengan menggunakan hipotesis 1 di bawah iaitu:

Ho1 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara Kefahaman Legal, Kefahaman Etika, Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan dalam kalangan kaunselor.

Berdasarkan pada Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara Kefahaman Legal dan Kefahaman Etika iaitu $r = .234$ ($p = .000$). Oleh itu, nilai $r^2 = .055$ (5.5%). Ini bermakna hubungan antara Kefahaman Legal dan Kefahaman Etika ialah 5.5% iaitu hubungan yang sangat lemah.

Begitu juga terdapat hubungan yang signifikan antara Kefahaman Legal dengan Kesedaran iaitu $r = .129$ ($p = .001$). Oleh itu, nilai $r^2 = .017$ (1.7%). Ini bermakna hubungan antara Kefahaman Legal dan Kesedaran ialah 1.7% iaitu hubungan yang sangat lemah.

Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara Kefahaman Etika dengan Kesedaran iaitu $r = .282$ ($p = .000$). Oleh itu, nilai $r^2 = .080$ (8.0%).

Ini bermakna hubungan antara Kefahaman Etika dan Kesedaran ialah 8.0% iaitu hubungan yang sangat lemah.

Jadual 2: Korelasi Pearson Antara Kefahaman Legal, Kefahaman Etika, Kesedaran Dengan Amalan Etika Kerahsiaan

		Kefahaman Legal	Kefahaman Etika	Kesedaran	Amalan
Kefahaman Legal	Korelasi Pearson	1	.234**	.129**	-.030
	Sig. (2-hala)		.000	.001	.466
	N		602	602	602
Kefahaman Etika	Korelasi Pearson		1	.282**	.062
	Sig. (2-hala)			.000	.126
	N			602	602
Kesedaran	Korelasi Pearson			1	.266**
	Sig. (2-hala)				.000
	N				602
Amalan	Korelasi Pearson				1
	Sig. (2-hala)				
	N				

** . Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hala)

Demikian juga terdapat hubungan yang signifikan antara Kesedaran dengan Amalan Etika Kerahsiaan iaitu $r = .266$ ($p = .000$ Oleh itu, nilai $r^2 = .071$ (7.1%). Ini bermakna hubungan antara Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan ialah 7.1% iaitu hubungan yang sangat lemah. Dapatan menunjukkan bahawa nilai hubungan Kefahaman Legal, Kefahaman Etika dan Kesedaran dengan Amalan Etika Kerahsiaan adalah sangat lemah. Manakala hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah lain adalah tidak signifikan. Justeru, hipotesis persoalan 1 (Ho1) ditolak kerana wujud hubungan yang signifikan antara Kefahaman Legal, Kefahaman Etika, Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan dalam kalangan kaunselor.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan analisis menunjukkan bahawa Kefahaman Legal mempunyai perkaitan yang sangat lemah dengan Kefahaman Etika. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kaunselor yang mempunyai Kefahaman Legal juga memahami Etika Kerahsiaan. Begitu juga terdapat kaunselor yang mempunyai Kefahaman Legal juga mempunyai Kesedaran Etika Kerahsiaan kaunseling. Begitu juga terdapat kaunselor yang mempunyai Kefahaman Etika juga akan memiliki Kesedaran Etika. Akhir sekali, kaunselor yang mempunyai Kesedaran Etika akan mengamalkan Etika Kerahsiaan.

Dalam hal ini terdapat hubungan antara komponen di atas walaupun nilai hubungannya rendah. Hal ini disebabkan sebahagian responden adalah berkelulusan di peringkat Diploma Kaunseling sahaja. Kaunselor yang berkelulusan setakat Diploma Kaunseling ini kurang mendapat pendedahan praktikum kaunseling dan pemantauan penyeliaan yang mencukupi. Manakala kaunselor yang berkelulusan Sarjana Muda Kaunseling dan Sarjana Kaunseling yang pernah melalui proses praktikum dan penyeliaan kaunseling mengabaikan faktor kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan disebabkan mereka kurang meneliti garis panduan dan kod etika kaunseling. Buku atau risalah berkenaan kod etika kaunseling yang diterbitkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia dan PERKAMA hanya menjadi bahan simpanan dan kurang dibaca dari semasa ke semasa oleh kaunselor.

Kajian juga menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai kesedaran dan amalan terhadap etika kerahsiaan, namun kefahaman legal dan kefahaman etika mereka adalah di peringkat rendah. Kesedaran dan amalan etika kerahsiaan kaunselor yang dikaji menunjukkan bahawa mereka memahami komponen kesedaran dan amalan etika kerahsiaan bukan secara mendalam iaitu hanya di peringkat permukaan (surface) sahaja. Fenomena ini disebabkan kaunselor kurang membaca atau mentelaah terhadap garis panduan atau kod etika kerahsiaan yang terkandung dalam Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia mahupun PERKAMA. Malah sebahagian kecil kaunselor tidak memiliki buku atau risalah berkenaan kod-kod etika yang dinyatakan di atas. Seterusnya penegasan terhadap elemen kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan kurang dititikberatkan dalam forum, seminar dan bengkel latihan kaunseling. Kesedaran dan amalan etika kerahsiaan hanya akan berfungsi dalam sesi kaunseling sahaja kerana iannya menjadi keperluan asas hubungan terapeutik antara klien (pelajar) dengan kaunselor.

Hubungan antara keempat-empat komponen yang rendah tersebut juga disebabkan oleh faktor-faktor lain misalnya, kaunselor kurang pendedahan dalam latihan kaunseling seperti ceramah, bengkel, kursus, seminar, konvensyen dan kolokium. Mereka juga kurang mendapat pendedahan penyeliaan dan pemantauan yang mencukupi sama ada daripada Kaunselor Berdaftar mahupun oleh Lembaga Kaunseling Malaysia. Penyeliaan adalah sebahagian daripada bentuk latihan dalam bidang profesional menolong yang mana kaunselor boleh memperolehi kompeten bagi memenuhi tanggungjawab profesional. Penyeliaan merupakan komponen paling penting dalam pembentukan kemahiran dan kompetensi seseorang pengamal kaunseling atau kaunselor. Proses penyeliaan yang dilalui oleh seseorang kaunselor

akan dapat membina identiti profesionalisme kaunseling dan nilai kepercayaan (trust) terhadap klien (Corey, Corey and Callahan 2003).

5.1 Cadangan

Kajian ini hanya meneroka persoalan kajian yang mungkin merintis kepada banyak persoalan baru. Kajian-kajian akan datang boleh menjelajah lebih jauh atau lebih mendalam tentang isu Kefahaman Legal, Kefahaman Etika, Kesedaran dan Amalan Etika Kerahsiaan dalam kalangan pengamal-pengamal kaunseling mengikut perspektif yang sama atau berbeza. Berikut adalah cadangan-cadangan bagi kajian-kajian yang seterusnya:

- i. Kajian lanjutan boleh dibuat untuk melihat kefahaman, kesedaran dan keberkesanan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan kaunselor dari perspektif guru, pelajar, orang awam dan masyarakat di pelbagai organisasi, agensi atau institusi di seluruh negara bagi mengetahui pelaksanaan etika kerahsiaan kaunseling dipatuhi. Matlamat atau tujuan kajian lanjutan ini adalah untuk memperkukuhkan nilai kepercayaan (trust) klien yang tinggi dan tulen terhadap kaunselor bahawa pelaksanaan etika kerahsiaan kaunseling adalah terpelihara secara menyeluruh (total).
- ii. Kajian tindakan boleh dibuat untuk mengukur tahap (level) kefahaman, kesedaran dan amalan etika kerahsiaan dalam kalangan pengamal-pengamal kaunseling di pelbagai organisasi sama ada organisasi kerajaan atau swasta bahawa amalan etika kerahsiaan telah diinstitusikan dalam erti kata sangat profesional.

RUJUKAN

- Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). (1998). Undang-Undang Malaysia Akta 580. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- American Association for Counseling and Development (AACD). (1988). Ethical Standards, Revised by AACD governing Council March 1988.
- Biggs, D., and Blocher, D. (1987). Foundations of Ethical Counseling, New York: Spring Publishing Company.

- Corey, G. Corey, M.S., and Callanan, P. (1998). *Issues & Ethics in the Helping Professions*, 5th Edition Monterey: California. Brooks/Cole Publishing Company.
- Cowles J. (1991). Counselor self-awareness and client confidentiality: a relationship revisited, *Elementary School Guidance & Counseling*, April 1991, Vol.25 pg. 269 - 276.
- Hermann, M.A. (2002). A Study of Legal Issues Encountered by School Counselors and Perceptions of Their Preparedness to Respond to Legal Challenges. *ASCA* Professional School Counseling* * 6:1 October 2002.
- Imam Nawawi. (1994). *Riyadhus Shalihin Jilid 1 dan 2 (Taman Orang-orang Soleh)*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Isaacs, M.L., and Stone, C. (1999). School Counselors and Confidentiality: Factors Affecting Professional Choices, *Profesional School Counseling: ASCA*, Vol. 2, Number 4, April 1999.
- Mohd Noh Murli. (2001). Sikap Pelajar Melayu Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling : Satu Kajian Kes Di Salah Sebuah Sekolah Menengah Di Daerah Klang, Selangor. Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norihah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud dan Amla Md. Salleh. (2003). Kesedaran Perkembangan Hubungan Dual Di Kalangan Kaunselor: Satu Kajian Kes.
- Konvensyen PERKAMA Kali Ke XI, Hotel Eden Garden Hotel, Johor Baharu.
- Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). (1998). Kod Etika Kaunselor. (Edaran kepada ahli).
- Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). (2008). Kod Etika Kaunselor. (Semakan 2008); <http://www.perkama.org/>.

